4 *Baca petikan bahasa Melayu klasik di bawah dengan teliti. Kemudian tulis semula petikan tersebut dalam* **bahasa Melayu standard** *tanpa mengubah struktur dan maksud asalnya.*

Maka Tun Nina Madi pun lalu, disuruh naik duduk dekat, lalu diribanya oleh Seri Nara Diraja. Maka kata Seri Nara Diraja pada segala orang yang duduk itu, "Tahukah tuan hamba sekalian bahawa ia ini anak hamba?"

Maka sembah segala orang banyak itu, "Sahaya semua tahu juga; oleh tuanku tiada mengaku, sahaya semua takut mengatakan dia anak tuanku."

Dipetik daripada Burung Terbang Dipipiskan Lada
dalam antologi *Sejadah Rindu*,
Kementerian Pendidikan Malaysia

[6 *markah*]

5 *Baca petikan di bawah dengan teliti, kemudian isikan tempat kosong dengan peribahasa yang sesuai.*

Amalan membaca dapat menambahkan ilmu pengetahuan dan meningkatkan daya pemikiran seseorang sesuai dengan kata hikmat ____________(i)__________. Institusi kekeluargaan merupakan elemen yang penting dalam usaha menanam tabiat membaca dalam kalangan anak-anak sejak kecil lagi. Ibu bapa sendiri perlu menunjukkan teladan kepada anak-anak dengan sentiasa membaca, bertepatan dengan peribahasa __________(ii)__________.

[4 *markah*]